

RANGKAIAN DAN SUMBER MAKLUMAT MENGENAI INDUSTRI HIJAU


1. Hubungi Meja Bantuan Industri Hijau (Green Industry Helpdesk)

MAKLUMAT OPERASI MEJA BANTUAN INDUSTRI HIJAU:-

Mula Operasi : 15 April 2013
 Hari Operasi : Isnin-Rabu
 Masa Operasi : 9.00 pagi-12.00 tgh
Sila Hubungi:-
 03-8871 2036



2. Green Industry Virtual Centre (GIVC). Layari <http://cp.doe.gov.my>



3. Penerbitan buku, garis panduan, risalah dan lain-lain. Bahan-bahan ini boleh dimuat turun melalui laman web GIVC.



ANUGERAH INDUSTRI HIJAU

Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan menganjurkan Anugerah Industri Hijau Bagi Perusahaan Kecil dan Mikro 2014/2015. Anugerah yang julung kalinya diadakan ini merupakan inisiatif JAS dalam memberi pengiktirafan kepada industri pembuatan dan industri batik yang sentiasa bersedia untuk meningkatkan pelaksanaan amalan industri hijau di industri masing-masing. Industri yang telah mengamalkan amalan industri hijau di premis masing-masing adalah dijemput untuk menyertai anugerah ini. Penyertaan akan dibuka mulai **1 Julai 2014**. Sila layari laman web rasmi JAS untuk maklumat lanjut.

Industri yang berminat untuk mendapatkan perkhidmatan rundingan mengenai pelaksanaan amalan industri hijau, bolehlah menghubungi Auditor Industri Hijau yang diiktiraf JAS dengan merujuk laman web <http://cp.doe.gov.my>.




Unit Industri Hijau
 Jabatan Alam Sekitar
 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
 Aras 4, Podium 2, Wisma Sumber Asli
 No. 25 Persiaran Perdana, Presint 4
 62574 PUTRAJAYA
 Tel: 03-8871 2000
 Faks: 03-8881 0920
<http://cp.doe.gov.my>



Jabatan Alam Sekitar Malaysia
 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

AMALAN INDUSTRI HIJAU PEMANGKIN KELESTARIAN INDUSTRI



Tahukah Anda?

Pemasangan 10 unit panel/bumbung lutsinar dengan kos RM1,200 bagi menggantikan 10 unit lampu mentol merkuri (450W) dengan penggunaan 8 jam sehari, bil elektrik sebanyak RM2,592 setahun telah berjaya dijimatkan!

APA ITU INDUSTRI HIJAU?

Industri Hijau merupakan pembangunan dan pengeluaran perindustrian yang dijalankan tanpa menjejaskan kualiti alam sekitar atau kesihatan manusia (Definisi United Nations Industrial Development Organization - UNIDO).

Konsep Industri Hijau telah diperkenalkan oleh UNIDO bertujuan mengambilkira kehendak-kehendak alam sekitar, iklim dan sosial ke dalam operasi sesebuah perusahaan atau kilang. Bagi mencapai status industri hijau, inisiatif seperti Pengeluaran Bersih - *Cleaner Production (CP)* perlu dilaksanakan di premis kilang.

FAEDAH MELAKSANAKAN AMALAN INDUSTRI HIJAU

- Mengurangkan kos bahan mentah
- Mengurangkan kos dan risiko pencemaran
- Mengurangkan penggunaan air, elektrik, bahan api, bahan buangan dan air sisa
- Kos modal yang rendah
- Meningkatkan kesedaran mengenai kemunculan teknologi pintar
- Meningkatkan pengiktirafan jenama dan kedudukan kompetitif dalam pasaran
- Meningkatkan kepakaran dan keupayaan inovasi
- Meningkatkan produktiviti dan kepuasan dalam kalangan pekerja

MENGAPA PERLU MELAKSANAKAN AMALAN INDUSTRI HIJAU?

Memang wujud kebimbangan berhubung kos bagi melaksanakan amalan industri hijau, tetapi pengalaman pelaksanaan sebenar telah menunjukkan bahawa:

- Banyak penambahbaikan boleh dilakukan kepada proses pengeluaran tanpa melibatkan kos yang tinggi.
- Peningkatan dalam keuntungan, reputasi dan imej syarikat serta memulihara kelestarian alam sekitar.

AMALAN INDUSTRI HIJAU DAPAT DICAPAI DENGAN:

- Tatasusun dan kekemasan storan yang baik (*Good Housekeeping*): Kaedah ini merupakan yang pertama dalam senarai opsyen amalan industri hijau kerana pelaksanaannya biasanya memerlukan kos pelaburan yang rendah dengan pulangan yang cepat.
- Modifikasi rekabentuk: Modifikasi rekabentuk seperti memasang dan merekabentuk semula peralatan/*production line* yang menghasilkan kurang atau tiada buangan.
- Pengubahsuaian operasi: Perubahan atau pengoptimuman parameter pemprosesan yang melibatkan masa, suhu, tekanan, urutan dan parameter lain yang relevan.
- Penukaran bahan mentah: Kaedah penggantian bahan mentah boleh digunakan bagi mencapai hasil yang tinggi, mengurangkan masa pemprosesan dan penjanaan sisa, kemudahan untuk mengendalikan bahan yang kurang toksik dan mengurangkan penggunaan tenaga.
- Teknologi baru: Teknologi baru boleh dipertimbangkan jika dapat meningkatkan produktiviti dan mengurangkan sisa, pembaziran bahan serta penggunaan tenaga.
- Latihan: Melatih kakitangan untuk melaksanakan amalan industri hijau terutamanya apabila berlaku perubahan Prosedur Operasi Piawai dan rekabentuk/operasi pengubahsuaian.

OPSYEN PELAKSANAAN AMALAN INDUSTRI HIJAU

- Penyediaan bekas simpanan pewarna (*Industri batik - Good Housekeeping*)

Sebelum




Selepas



PULANGAN:


- Memelihara kualiti bahan dengan cara mengurangkan kadar bahan rosak.
 - Memudahkan aktiviti penyelenggaraan dan inventori bahan.
 - Mudah untuk mengasingkan bahan mentah mengikut jenis.
- Pemasangan paip berdiameter 2.0 inci menggantikan paip berdiameter 1.5 inci bagi memendekkan masa campuran bahan mencapai tahap homogen di samping mengurangkan kos penggunaan tenaga elektrik.

Sebelum



Paip berdiameter 1.5 inci

Selepas



Pemasangan paip berdiameter 2.0 inci

- Pemasangan injap kawalan pneumatik bagi menggantikan penggunaan sistem kawalan manual, di mana dapat menjimatkan kos penggunaan tenaga elektrik, tenaga pekerja serta meningkatkan keselamatan pekerja.